

TARIKH	SELASA, 3 OGOS 2021
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	TABU RADIOAKTIF PINGGIRKAN MANFAAT TEKNOLOGI
M/S	27
BIDANG	NUKLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	<i>NUCLEAR TECHNOLOGY, PUBLIC ACCEPTANCE</i>

Tabu radioaktif pinggirkan manfaat teknologi

Kuala Lumpur: Pemahaman masyarakat mengenai teknologi nuklear masih rendah kerana menganggap ia boleh mengundang bahaya dan radioaktif memberi kesan teruk seperti kecatatan bayi dalam kandungan.

Tragedi nuklear Fukushima yang melanda Jepun pada 11 Mac 2011 akibat kejadian gempa bumi dan tsunami menjadi antara krisis pencemaran nuklear paling ditagati hingga hari ini.

Pengurus Pusat Teknologi Reaktor Agensi Nuklear Ma-

laysia, Dr Julia Abdul Karim, berkata tidak dapat dinafikan, nuklear menjadi satu perkara tabu dalam kalangan masyarakat sehingga menganggap tidak mendatangkan apa-apa kebaikan.

Katanya, jika ramai yang memahami kepentingan nuklear dari sudut faedah dan manfaat dalam pelbagai bidang, mereka pasti akan teruja melihat kemajuan yang berjaya dihasilkan.

Di pusat nuklear sama seperti bidang pekerjaan lain, turut mempunyai risiko tersendiri,

namun aspek keselamatan tetap menjadi keutamaan.

"Kita mengutamakan keselamatan. Sepanjang bekerja di agensi ini, tahap kesihatan saya berada dalam keadaan baik dan semua tanggapan negatif itu tidak berlaku kepada diri saya.

"Bagi yang bekerja di agensi ini, kadar dos radiasi diterima oleh pekerja sinaran adalah 20 millisieverts setahun, berbanding masyarakat adalah satu millisieverts saja," katanya.

Bagaimanapun, jelasnya me-

ngikut rekod, tiada siapa pernah menerima jumlah itu, kerana masing-masing mematuhi prinsip dan perlindungan.

"Setiap tahun kita akan sentiasa memperbaharui ilmu teknologi nuklear ini, jadi secara tidak langsung, kita akan menangani isu keselamatan ini dengan cara terbaik," katanya yang kini bertanggungjawab mengendalikan reaktor di agensi itu.

Malaysia adalah negara yang lama mengiktiraf penggunaan teknologi nuklear dan faedah diperoleh secara aman.

"Melalui keanggotaan dengan International Atomic Energy Agency (IAEA), Malaysia mendapat banyak manfaat daripada program latihan dan projek penyelidikan.

"Kita kursus berkaitan teknologi nuklear ditawarkan beberapa universiti tempatan, turut menarik minat pelajar perempuan untuk mengikutinya.

"Jadi apabila nuklear ini digunakan untuk memperbaharui kemajuan, jadi tidak ada perkara yang perlu dikhuatirkan," katanya.